

 HHRG BERHAD	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025



HHRG BERHAD

Notis Perlindungan Data Peribadi

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (“Notis”)

1. Pengenalan

HHRG Berhad komited terhadap perlindungan data peribadi anda. Notis ini dikeluarkan menurut keperluan berkanun di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**Akta**”) dan menjelaskan cara kami memproses data anda dari masa kami mengumpul, menggunakan, berkongsi, melupuskan data tersebut dan langkah keselamatan yang telah kami tetapkan untuk memastikan data peribadi anda dilindungi dengan baik.

Notis ini dikeluarkan oleh HHRG Berhad bagi pihak syarikat, anak syarikat dan syarikat berkaitannya (secara kolektifnya dipanggil “**kami**” atau “**HHRG**”) dan juga bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh kami atau oleh pihak ketiga bagi pihak kami dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda untuk pemprosesan data peribadi anda.

2. Pengumpulan, Rakaman dan Penyimpanan Data Peribadi

2.1 Akta ini diluluskan oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Bagi mematuhi Akta ini, HHRG dikehendaki menguruskan data peribadi yang dikumpul oleh HHRG daripada anda.

2.2 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. HHRG berhak untuk mengubah suai, mengemas kini atau meminda terma Notis ini pada bila-bila masa dengan meletakkan Notis yang dikemas kini di laman web HHRG, <https://hhrg.com.my/> (“**Laman Web HHRG**”). Jika anda terus berkomunikasi dengan HHRG atau, jika berkenaan, terus menggunakan perkhidmatan HHRG selepas pengubahsuaian, kemas kini atau pindaan pada Notis ini, ini menandakan penerimaan anda terhadap pengubahsuaian, kemas kini atau pindaan tersebut. Sila semak Laman Web HHRG untuk maklumat tentang Notis dan Dasar Privasi HHRG yang terkini.

3. Pengumpulan Data Peribadi

3.1 “**Data Peribadi**” ertinya maklumat tentang anda yang telah anda berikan kepada HHRG, seperti nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan, alamat e-mel, pilihan peribadi anda, butiran pasangan atau ahli keluarga anda dan maklumat akaun bank dan sebarang maklumat yang mungkin boleh mengenal pasti identiti anda, pasangan atau ahli keluarga anda yang telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh HHRG dari semasa ke semasa

3.2 Selain Data Peribadi, anda memberikan kepada HHRG secara langsung (iaitu semasa komunikasi anda dengan HHRG dan/atau apabila anda melantik HHRG untuk memberikan perkhidmatan), HHRG juga boleh mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk, tetapi tidak terhad daripada CCTV, temu duga kerja, rujukan (*referee*) dan bekas majikan anda, modul kehadiran masa dan kad akses, Sistem Kedudukan Sejagat atau Sistem Posisi Global (*GPS*), lawatan ke premis kami secara peribadi, borang yang diisi oleh anda atau bagi pihak anda dan dihantar kepada kami, mana-mana acara, persidangan, seminar atau ceramah yang dianjurkan atau ditaja oleh HHRG dan/atau daripada kuki dan teknologi lain yang digunakan di Laman Web HHRG. Data Peribadi yang dikumpul dan diproses oleh HHRG mungkin termasuk Data Peribadi sensitif yang merangkumi maklumat tentang Kesihatan, keadaan fizikal atau mental subjek data, pendapat politik, dan kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya, data biometrik atau mana-mana Data Peribadi sensitif lain seperti yang ditetapkan oleh undang-undang dari semasa ke semasa

 HHRG BERHAD	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025

- 3.3 Pemberian Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda, HHRG mungkin tidak dapat (i) berkomunikasi dengan anda; (ii) memberikan perkhidmatan yang anda perlukan; (iii) terus mentadbir sebarang pengaturan atau hubungan kontraktual yang wujud antara anda dan kami; (iv) melaksanakan mana-mana obligasi kontraktual kami (jika ada); (v) memproses Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan yang disenaraikan dalam Klausa 4 dan 5 Notis ini; dan/atau (vi) menamatkan sebarang pengaturan atau perjanjian/kontrak antara anda dan kami tanpa sebarang liabiliti di pihak kami.

4. Tujuan Pemprosesan

HHRG boleh menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang anda minta daripada kami, untuk aktiviti perniagaan HHRG dan untuk operasi HHRG yang termasuk, tetapi tidak terhad:

- (a) Untuk berkomunikasi dengan anda;
- (b) Untuk menjawab soalan dan komen daripada anda;
- (c) Untuk melaksanakan aktiviti pra-kontrak dan obligasi kami berhubung dengan kontrak antara kami dan anda, termasuk tetapi tidak terhad, menilai permohonan anda dan kesesuaian pekerjaan dengan kami, melakukan pemeriksaan latar belakang yang diperlukan dan penyediaan dokumen atau kontrak undang-undang yang akan dimeterai antara kami;
- (d) Untuk memastikan pelaksanaan obligasi pra-kontrak dan kontrak anda kepada kami;
- (e) Untuk menguatkuasakan kontrak yang kami ada dengan anda dan mendapatkan nasihat profesional;
- (f) Untuk tujuan yang berkaitan dengan fungsi dan/atau acara kami;
- (g) Untuk menerbitkan gambar atau rakaman video anda, yang dirakam semasa penyertaan anda dalam mana-mana acara dan fungsi kami (dengan atau tanpa nama anda), di platform atau media sosial kami atau di premis kami;
- (h) Untuk tujuan pentadbiran dalaman;
- (i) Untuk HHRG mematuhi obligasinya di bawah undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau perintah mahkamah, kerajaan, penguatkuasaan undang-undang dan/atau pihak berkuasa/badan kawal selia yang berkaitan, termasuk pematuhan undang-undang yang berkaitan dengan bukti/keterangan;

dan anda bersetuju dan membenarkan HHRG menggunakan dan memproses Data Peribadi anda dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini.

5. Tujuan Lain

HHRG juga boleh menggunakan dan memproses data anda untuk tujuan lain, seperti:

- a) Untuk menghantar bahan/material seperti surat berita, artikel, penulisan serta kemas kini lain kepada anda; dan
- b) Untuk mengedarkan maklumat atau butiran acara, seminar, persidangan dan ceramah yang mungkin menarik minat anda;

melalui e-mel atau pos atau kurier.

	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025

Jika anda tidak bersetuju dengan HHRG memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang disenaraikan dalam Klausa 4 dan 5 Notis ini, sila maklumkan kepada HHRG menggunakan butiran hubungan yang dinyatakan dalam Klausa 12.1.

6. Pengakuan

Dengan memberikan data anda kepada HHRG, anda mengakui bahawa semua maklumat, data dan/atau sebarang butiran lain yang berkaitan dengan anda sebagai pengguna dan pelanggan adalah hak milik eksklusif HHRG.

7. Pemprosesan dan Pemindahan Data Peribadi

Memandangkan kemudahan dan pelayan storan teknologi maklumat HHRG mungkin terletak di negara lain, Data Peribadi anda mungkin diproses, dipindahkan, disimpan dan digunakan di negara selain Malaysia. Anda memahami dan bersetuju dengan pemindahan Data Peribadi anda keluar dari Malaysia seperti yang diterangkan di sini.

8. Pendedahan kepada Pihak Ketiga

HHRG mungkin akan melantik syarikat, penyedia perkhidmatan atau individu lain untuk melaksanakan fungsi bagi pihak HHRG, dan seterusnya mungkin akan memberikan akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga seperti yang disenaraikan di bawah (tidak menyeluruh):

- a) Penyedia perkhidmatan teknologi maklumat (IT);
- b) Penyedia perkhidmatan kemasukan data;
- c) Penyedia kemudahan penyimpanan;
- d) Bank dan institusi kewangan;
- e) Penyedia insurans;
- f) Penasihat profesional dan juruaudit luaran; dan
- g) Pihak berkuasa;

untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5 di atas.

9. Perlindungan Data Peribadi

9.1 Keselamatan Data Peribadi anda dijamin oleh HHRG kerana kami akan mengambil semua langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan Data Peribadi anda. Ini termasuk langkah-langkah untuk mencegah kehilangan data, penggunaan atau akses data dengan cara yang tidak dibenarkan. Jika kami mendedahkan mana-mana Data Peribadi anda kepada mana-mana entiti, HHRG akan meminta mereka melindungi Data Peribadi yang diberikan kepada mereka dengan sewajarnya.

9.2 Sila faham bahawa penghantaran maklumat melalui internet tidak sepenuhnya selamat. Walaupun kami akan berusaha sebaik mungkin untuk melindungi maklumat anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan maklumat anda yang dihantar melalui sebarang cara dalam talian, oleh itu, sebarang penghantaran adalah atas risiko anda sendiri.

10. Data Peribadi Kanak-kanak Bawah Umur dan Individu Lain

Dalam keadaan tertentu, anda mungkin memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan individu lain (seperti pasangan, ahli keluarga atau pihak ketiga lain termasuk kanak-kanak bawah umur). Anda

	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025

menyatakan dan menjamin bahawa anda diberi kuasa untuk memberikan Data Peribadi mereka kepada HHRG dan anda telah mendapatkan persetujuan mereka untuk pemprosesan (termasuk pendedahan dan pemindahan) Data Peribadi mereka mengikut Notis ini.

11. Tempoh Penyimpanan Data Peribadi

HHRG akan menyimpan Data Peribadi anda selama tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, dan tempoh yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang.

Sebaik sahaja Data Peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, atau kami tidak lagi perlu menyimpan Data Peribadi anda atas sebab perundangan atau tujuan perniagaan, kami akan mengambil langkah untuk memadam, memusnahkan, anonimkan atau menghalang akses atau penggunaan Data Peribadi tersebut untuk sebarang tujuan selain daripada untuk tujuan pematuhan dengan Notis ini, atau untuk tujuan keselamatan, sekuriti, pencegahan dan pengesanan penipuan, selaras dengan keperluan undang-undang yang terpakai.

12. Permintaan dan Pertanyaan Akses & Pembedulan

- 12.1 Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang terpakai, anda boleh pada bila-bila masa meminta: (i) akses kepada Data Peribadi anda; (ii) pembedulan atau pembetulan Data Peribadi anda; (iii) untuk mengehaskan pemprosesan Data Peribadi anda; (iv) menarik balik persetujuan anda untuk HHRG memproses Data Peribadi anda (sila ambil perhatian akibat yang dinyatakan dalam Klausula 3.3 Notis ini); (v) untuk pemindahan Data Peribadi anda kepada pihak lain; atau (vi) untuk mendapatkan maklumat lanjut daripada HHRG mengenai pemprosesan Data Peribadi anda. Sila hubungi:

Nama : En. Ang Choon Teik

Alamat E-mel : angct@hhrgh.com.my

No. Telefon : +6012-437-1818

13. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda, HHRG berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembedulan pada Data Peribadi anda atas sebab-sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti kos perbelanjaan untuk menyediakan akses kepada anda adalah tidak seimbang dengan risiko privasi anda.

	NO. DOKUMEN	HQ2025-11/LEG/001(15)
NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI	TARIKH KELUARAN	25 November 2025

PENGISYTIHARAN:

Dengan ini saya mengesahkan penerimaan Notis anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan bersetuju dengan pemprosesan data peribadi saya mengikut Notis tersebut.

Nama:

Tarikh:

Tandatangan: